

**TEKS UCAPAN  
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH  
ABDULLAH  
PRESIDEN ANGKASA MERANGKAP  
PRESIDEN ASEAN CO-OPERATIVE  
(ACO)**

**MERANGKAP NAIB PRESIDEN  
INTERNATIONAL COOPERATIVE  
ALLIANCE ASIA AND PACIFIC (ICA-  
AP)**

**PROGRAM *THE WAY FORWARD 2024*  
MYANGKASA AMANAH BERHAD**

**(MAAB) BERSAMA RAKAN NIAGA  
KOPERASI (RNK)**

**27 DISEMBER 2023 (RABU)  
3.00 PETANG**

**Hotel Royal Chulan Damansara**

---

Bismillahirrahmaanirrahim  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan Salam Koperasi.

Terima Kasih Pengacara Majlis

**[SALUTASI DISEDIAKAN URUSETIA]**

# **Datuk-Datuk/ Datin-Datin/ Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang Saya Hormati Sekalian**

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih di atas kesudian datuk-datuk, datin-datin,

tuan-tuan dan puan-puan untuk hadir pada hari ini. ANGKASA selaku penanggung sepenuhnya MyAngkasa Amanah Berhad (MAAB), mengucapkan tahniah kepada MAAB atas penganjuran **Program *The Way Forward 2024 MyAngkasa***

**Amanah Berhad (MAAB) bersama Rakan Niaga Koperasi (RNK) pada hari ini.**

2. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan penghargaan kepada

Pengerusi dan wakil-wakil Lembaga dan pengurusan semua Rakan Niaga Koperasi MAAB, serta Lembaga Pengarah dan juga pengurusan MAAB, yang sudi meluangkan masa untuk hadir ke program pada hari ini.

3. Saya difahamkan pada hari ini

hampir 80 orang wakil-wakil Rakan Niaga Koperasi MyAngkasa Amanah yang hadir ke program ini termasuk yang hadir secara dalam talian. Terima kasih sekali lagi kepada MAAB kerana telah berinisiatif menganjurkan program **The Way**

## ***Forward 2024* bersama Rakan Niaga Koperasi (RNK).**

4. Saya dimaklumkan juga bahawa program ini adalah bagi menjadikan Rakan-Rakan Niaga Koperasi MAAB yang sedia ada ini lebih berdaya

saing menjadi Pusat Sehentis Produk Perancangan dan Pentadbiran Harta Pusaka untuk tahun hadapan, 2024 yang hanya tinggal beberapa hari sahaja lagi dan juga untuk tahun-tahun seterusnya.

**Datuk-Datuk/ Datin-Datin/ Tuan-Tuan**

## **dan Puan-Puan yang Saya Hormati Sekalian**

5. Saya amat berharap kepada koperasi-koperasi untuk tidak mensia-siakan peluang bagi menjana pendapatan tambahan sebagai

Rakan Niaga MAAB kerana komisen yang MAAB berikan agak tinggi, berbeza dengan kategori Rakan Niaga yang lain. Malah Rakan Niaga Bank MAAB iaitu 9 bank termasuk BSN, Bank Rakyat dan Coopbank Pertama juga mencapai sasaran jualan produk Wasiat yang sangat

tinggi iaitu hampir 90% dari pendapatan Wasiat MAAB keseluruhannya. Mengapa ini berlaku kepada bank yang sudah sedia mempunyai pendapatan yang tinggi, namun tidak kepada koperasi? Saya percaya kerana mereka sedar kepentingan

perancangan harta pusaka di samping sedar dengan pendapatan *Fee-Based* yang memberi kelebihan kepada bank yang mempunyai pangkalan data pelanggan yang ramai.

6. Saya juga menaruh harapan tinggi agar koperasi-koperasi turut menyokong usaha yang telah dibuat oleh MAAB dan ANGKASA dalam usaha menjadi antara penyedia perkhidmatan perancangan harta pusaka utama di Malaysia. ANGKASA sebagai umpama Bapa kepada

MAAB, juga sangat menyokong usaha MAAB untuk membantu membangunkan dan mengembangkan koperasi-koperasi dalam menjadi ejen atau wakil MAAB di negeri atau daerah masing-masing.

7. Saya berharap, dengan kelebihan koperasi yang sangat hampir dengan komuniti setempat dapat memanfaatkan kelebihan ini dengan menjual produk Wasiat MAAB kepada semua ahli-ahli koperasi khususnya dan orang awam amya termasuklah kepada pasangan

masing-masing dan ahli-ahli keluarga. Koperasi juga boleh menjana peluang kerjaya , contohnya, anak-anak ahli koperasi menjadi sub ejen kepada koperasi untuk menjadi duta produk MAAB.

8. Sabda Nabi, “Jika seseorang meninggal dunia, maka terputuslah amalannya kecuali tiga (3) perkara iaitu: sedekah jariyah, ilmu yang bermanfaat, atau do’a anak yang soleh” (HR. Muslim). Jadi sebenarnya, dengan menjadi Rakan Niaga atau ejen MAAB, koperasi juga secara

tidak langsung mendedahkan kepada ahli-ahli koperasi atau masyarakat luar untuk merancang harta pusaka melalui instrumen wasiat contohnya, yang mana wasiat bukan sahaja bagi menjalankan fungsi pelantikan Wasi malah, melalui Produk Wasiat yang

akan koperasi pasarkan juga nanti, pewasiat-pewasiat tersebut terutama Muslim boleh juga membuat sedekah jariyah melalui pengagihan  $\frac{1}{3}$  dari harta mereka kepada bukan waris faraid selepas berlaku kematian. Secara tidak langsung, ini boleh menjadi ladang

pahala kepada wakil-wakil koperasi yang menjual wasiat.

9. Bukan itu sahaja, pada 2024 nanti, insyaAllah MAAB akan melancarkan 3 produk Baharu iaitu Harta Sepencarian , Hibah Harta Bercagar dan Hibah Harta Alih/Tunai yang

mana saya percaya potensi pasaran akan menjadi lebih besar terutama kepada pasangan-pasangan muda yang baru berkahwin.

**Datuk-Datuk/ Datin-Datin/ Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang Saya Hormati**

## **Sekalian**

10. Harapan saya adalah untuk memastikan MAAB terus maju ke hadapan sebagai penyedia utama dan tersohor bagi perancangan dan pentadbiran harta pusaka di Malaysia seterusnya dapat

menyelesaikan masalah harta pusaka terbeku akibat gagal menyelesaikan urusan pentadbiran harta pusaka. Jadi, untuk MAAB menggapai harapan ini, koperasi juga perlu bergerak seiring sebagai wakil-wakil Rakan Niaga MAAB yang berjaya, InsyaAllah.

11. Saya juga menyeru, koperasi dapat berganding bahu dan berusaha sehabis mungkin untuk menyedarkan masyarakat di luar sana terutama umat Islam untuk merancang harta pusaka melalui MAAB dan koperasi sekaligus dapat mengurangkan kenaikan jumlah harta terbeku yang

pada masa kini telah mencapai jumlah RM90 billion.

12. Akhir kata, saya ucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dan telah hadir ke program pada hari ini dan semoga segala perancangan yang telah

dibincangkan dan dibentangkan pada hari ini dapat dilaksanakan sebaiknya dengan gemilang dan cemerlang.

13. Oleh itu, dengan lafaz Bismillahirohmaani rrohim, saya

merasmikan penutupan program ***The Way Forward 2024 MyAngkasa Amanah Berhad (MAAB)*** bersama **Rakan Niaga Koperasi (RNK)**.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah  
Wassalamualikum Warahmatullahi

Wabarakatuh.